



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 1992

SKIM PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN
BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

1. Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan syarat-syarat dan peraturan mengenai Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Jawatan-jawatan Utama dan Jawatan-jawatan Gred Khas) serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

2. Latar Belakang

2.1 Di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992, Kerajaan bersetuju memberi kemudahan baru iaitu sumbangan kewangan bagi bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kemudahan ini bertujuan untuk meningkatkan interaksi pegawai-pegawai berkenaan dengan rakan sejawat mereka di sektor swasta selaras dengan hasrat Persyarikatan Malaysia.

3. Peraturan

3.1 Dengan ini adalah ditetapkan bahawa pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sektor swasta dibenarkan membuat tuntutan sumbangan kewangan bagi bantuan bayaran/yuran masuk menjadi ahli salah sebuah kelab rekreasi dan sukan yang disenaraikan di Lampiran "A", tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:—

3.1.1 sumbangan bayaran/yuran masuk sebenar tertakluk kepada had maksimum \$3,000.00 dan yang selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai;

3.1.2 pegawai tetap yang menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan SSB;

3.1.3 pegawai tetap yang menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan SSB yang telah menganggotai salah sebuah kelab rekreasi dan sukan di Lampiran "A" sebelum keluarnya Pekeliling ini adalah juga dibenarkan menuntut kemudahan ini;

3.1.4 pegawai atau suami/isteri yang layak menerima kemudahan ini boleh membuat tuntutan yang berasingan;

3.1.5 tuntutan kemudahan ini hendaklah disokong dengan resit pembayaran;

3.1.6 tuntutan kemudahan ini diberi hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan;

3.1.7 tuntutan ini hendaklah direkodkan dalam buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai berkenaan;

4. Kuasa Meluluskan

4.1 Kuasa untuk meluluskan sumbangan kewangan kepada pegawai-pegawai yang memenuhi semua syarat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini adalah diberi kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan semua Pegawai Pengawal yang disenaraikan dalam buku Anggaran Belanjawan Tahunan.

4.2 Permohonan-permohonan daripada Ketua Setiausaha Kementerian dan Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan.

4.3 Dalam menimbang sesuatu permohonan Ketua Setiausaha Kementerian dan Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling ini disamping menimbang kepentingan pemohon menganggotai kelab rekreasi dan sukan berkenaan untuk mencapai keperluan, objektif dan matlamat organisasinya serta tugas pegawai berkenaan itu memerlukan ia berinteraksi dengan rakan sejawatnya di sektor swasta.

5. Peraturan Permohonan

5.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan dalam borang permohonan yang ditetapkan seperti contoh di Lampiran "B".


6. Am

6.1 Ketua Setiausaha Kementerian/Pegawai Pengawal boleh mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Perbendaharaan, sekiranya ada kelab-kelab rekreasi dan sukan yang tidak disenaraikan di Lampiran "A" tetapi difikirkan sesuai dianggotai oleh pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di bawah skim ini.

6.2 Pekeliling ini adalah terpakai juga bagi Kerajaan-kerajaan Negeri. Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dalam memberi kemudahan yang sama kepada pegawai-pegawai mereka yang layak.

7. Tarikh Kuatkuasa

7.1 Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 April 1992.



DATO' DR. MAZLAN BIN AHMAD,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan.

19 Mei 1992